

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis peranan sistem perbankan Islam dalam pembangunan ekonomi di wilayah Pattani, Selatan Thailand dalam konteks pelaksanaan di Islamic Bank of Thailand melalui peruntukan Pelaksanaan produk-produk perbankan Islam di Islamic Bank of Thailand di wilayah Pattani. Berasaskan bagaimanakah Islamic Bank of Thailand memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi dalam masyarakat Islam di wilayah Pattani Selatan Thailand. Ini kerana, perkembangan Islamic Bank of Thailand yang berkembang pesat di wilayah-wilayah Selatan Thai khususnya di wilayah Pattani. Dalam menjalankan kajian terhadap sistem perbankan dan peranannya di wilayah Pattani Selatan Thailand, pengkaji telah menganalisis dan meneliti fail-fail dan dokumen-dokumen yang diterbitkan oleh Islamic Bank of Thailand tentang pelaksanaan dan pemakaian produk-produk serta dengan senarai pembiayaan. Begitu juga dengan metode pengumpulan data, pengkaji telah mengadakan temu bual bersama responden yang merupakan pegawai-pegawai dan agensi dan pelanggan yang berkaitan dengan Islamic Bank of Thailand. Kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan dan pemakaian produk-produk perbankan Islam yang dilaksanakan oleh Islamic Bank of Thailand di Wilayah Pattani mencukupi dan memadai pada satu tahap keperluan penduduk di wilayah ini. Ini menunjukkan bahawa Islamic Bank of Thailand telah berjaya dalam memenuhi keperluan sosio-ekonomi yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.